

## Bekas jurulatih Silat Gayung meninggal dunia

TAIPING, Ahad — Bekas jurulatih Silat Seni Gayung, Datin Hajah Som Haji Kechik, 64, meninggal dunia di Hospital Daerah, di sini hari ini, pada jam 7.50 malam kelmarin kerana sakit tua.

*Pencak Silat*  
Jenazah Allahyarhamah selamat dikebumikan di tanah perkuburan Islam Kampung Air Ku Ning dekat sini, tengah hari semalam.

Allahyarhamah, isteri pertama mahaguru Silat Seni Gayung Malaysia, Ungku Datuk Daeng Uda Hashim, 73, meninggalkan empat orang anak - dua lelaki dan dua perempuan.

*B. Hadan (M)*  
Datin Hajah Som ialah wanita pertama manjadi jurulatih Silat Seni Gayung Malaysia dengan bimbingan Ungku Datuk Daeng Mior Abdul Rahman.

**13 JAN 1986**  
Ketika hayatnya, Allahyarhamah mempunyai 600,000 murid di seluruh negara dan Singapura. Beliau adalah wanita pertama yang dikurniakan bengkung hitam dalam silat seni gayung.

Datin Hajah Som pernah mengadakan pertunjukan silat seni gayung antarabangsa di Singapura pada tahun 1956 yang dihadiri oleh jurulatih seni mempertahankan diri dari Amerika Syarikat, Cina, Jepun dan Hong Kong.

Di samping itu, Allahyarhamah juga menjalankan perniagaan di Pasir Panjang, Batu Empat, Singapura.

## Tentera memang galakkan silat

*Pencak Silat*  
**Melayu**

**18 JAN 1986**

KUALA LUMPUR, Jumat — Angkatan Tentera sentiasa menggalakkan latihan silat Melayu sebagai ilmu mempertahankan diri walaupun ia tidak termasuk dalam program latihan Tempur Tanpa Senjata (TTS), kata Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan di sini, Kapten Zakaria Salleh.

"Latihan dalam pelbagai corak silat Melayu dikendalikan sendiri oleh pasukan-pasukan yang ingin mengikuti ilmu mempertahankan diri warisan hulubalang Melayu," katanya ketika mengulas pendapat seorang pembaca akhbar ini Isnin lalu yang meminta Angkatan Tentera mengutamakan silat Melayu dalam latihan TTS.

Pembaca itu kesal kerana kerajaan, khususnya Kementerian Pertahanan, membawa masuk guru-guru taekwando dari Korea Selatan yang menghabiskan belanja berbilion ringgit untuk mendapatkan ilmu mempertahankan diri itu.

*B. Harjan (M)*  
Menurut Kapten Zakaria, anggota tentera mengikuti latihan dalam pelbagai silat Melayu mengikut pilihan sendiri atau pasukannya sejak awal tahun 1970-an lagi.

Mereka menyertai latihan seni silat gayung di kawasan utara dan pencak silat di kawasan selatan dan sebagainya, katanya.

"Umumnya, anggota tentera mempelajari setiap ilmu yang diminati mereka tanpa menunjukkan kehadalannya kepada umum," tambahnya.